



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PEMAKLUMAN MENGENAI MODUL PEMBAYARAN DENDA DALAM TALIAN
(e-Denda)**

Badan Kehakiman Malaysia telah pun melancarkan Modul Pembayaran Denda Dalam Talian (e-Denda) secara rintis bermula di Mahkamah-Mahkamah Rendah di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, Kompleks Mahkamah Shah Alam dan Mahkamah Selayang, Selangor pada 1 Disember 2021.

Lanjutan daripada itu, modul e-Denda ini seterusnya akan diperluaskan secara menyeluruh di Mahkamah-Mahkamah Rendah di Semenanjung Malaysia yang melibatkan Mahkamah-Mahkamah Rendah bagi Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan pada 12 Mei 2022, Mahkamah-Mahkamah Rendah bagi Negeri Selangor, Perak, Putrajaya dan Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur pada 13 Mei 2022, Mahkamah-Mahkamah Rendah bagi Negeri Sembilan, Melaka dan Johor pada 25 Mei 2022, serta Mahkamah-Mahkamah Rendah bagi Negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis pada 26 Mei 2022.

Sehubungan itu, proses penyelesaian pembayaran denda boleh dilaksanakan dalam talian menggunakan Financial Process Exchange (FPX) melalui portal Sistem e-Kehakiman di <https://ecourt.kehakiman.gov.my>.

Melalui pelaksanaan modul ini tiada lagi keperluan bagi orang awam untuk pergi ke kaunter pembayaran Mahkamah, sekaligus dapat mempercepatkan proses pembayaran denda dan pembebasan tertuduh.

Agensi kerajaan, peguam atau orang awam yang berhasrat untuk memahami tatacara penggunaan modul e-Denda dengan lebih lanjut, boleh melayari Portal Rasmi Badan Kehakiman Malaysia di www.kehakiman.gov.my atau menghubungi e-mel ecourts.helpdesk@omesti.com dan talian 03-27331313:

Sekian, terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya**

Tarikh: 29 April 2022